

Mantan CEO DBS: S'pura perlu berani bentuk masa depan kewangan dunia baru

► **ANWAR SALEH**
anwarsaleh@sph.com.sg


Singapura harus mengambil langkah lebih berani untuk kekal di hadapan dalam dunia kewangan yang semakin pesat berubah disebabkan teknologi blok rantai atau *blockchain*, token dan kecerdasan buatan (AI), kata mantan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) DBS Bank, Encik Piyush Gupta.

Dengan dunia berdepan dengan teknologi baru yang sedang membentuk semula sistem kewangan sejagat, Encik Gupta menggesa Singapura agar bergerak lebih pantas untuk membina sistem dan peraturan yang akan menentukan bagaimana wang dan perkhidmatan kewangan akan berfungsi pada masa hadapan.

"Kita berada di ambang peluang penting untuk transformasi besar-besaran dalam cara kewangan berfungsi, dan dengan itu terdapat potensi besar untuk menerima tatanan dunia yang baru sepenuhnya.

"Sama seperti Singapura mengambil langkah berani dan tegas untuk memulakan gelombang liberalisasi sektor kewangan pada 2000 sebagai tindak balas kepada perubahan dalam persekitaran sejagat, kita kini mempunyai peluang untuk membentuk masa depan kewangan," kata Encik Gupta.

Beliau berkata demikian semasa berucap di siri Ceramah Institut Pengajian Dasar (IPS)-Nathan yang



Mantan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) DBS Bank, Encik Piyush Gupta, mencadangkan pembentukan Dolar Singapura (SGD) berasaskan blok rantai (*blockchain*) digital. – Foto BH oleh ANWAR SALEH

ke-17, yang diadakan di Rumah Alumni Yayasan Shaw di Universiti Nasional Singapura (NUS) pada 8 Disember.

Encik Gupta, yang juga merupakan fellow SR Nathan IPS yang ke-17, berucap mengenai topik, 'Masa Depan Kewangan: Bagaimana Singapura Boleh Menyumbang Melebihi Kemampuannya'.

Beliau berkata walaupun tujuan asas wang sebagai sebuah penyimpan nilai, medium pertukaran dan unit akaun kekal malar, bentuknya sedang mengalami satu lagi perubahan bersejarah.

Kebangkitan teknologi seperti *blockchain* dan AI agentik, katanya, sedang mengubah cara kepercayaan dibina, bagaimana urusan niaga bergerak, dan siapa yang mengambil bahagian dalam ekosistem kewangan.

AI agentik merujuk kepada teknologi AI yang boleh melaksanakan

tugasan berbilang langkah yang kompleks secara bebas dengan campur tangan manusia yang minimum.

Untuk mereka bentuk prasarana kewangan yang baru ini, Encik Gupta, yang pernah menerajui DBS Bank sebagai CEO dari November 2009 hingga Mac 2025, berkata ia memerlukan "kehendak bersama" semua pemain dalam industri ini.

Ia termasuk institusi kewangan sedia ada, syarikat baru, institusi bukan kewangan, serta sektor awam untuk bersama-sama mewujudkan dan membentuk prasarana kewangan baru.

"Terdapat potensi untuk Singapura membawa dunia yang dipacu oleh AI dan yang berasaskan token, dan disokong oleh prasarana yang lebih cekap, fleksibel dan selamat.

"Memang akan ada risiko tetapi memandangkan perubahan besar yang sedang berlaku, kita perlu

mengambil langkah berani untuk terus berkembang maju sebagai pusat kewangan," kata Encik Gupta.

Memberi gambaran bagaimana teknologi *blockchain* boleh mengubah sifat pemindahan nilai dalam kedua aset kewangan dan bukan kewangan, Encik Gupta mengusulkan pembentukan Dolar Singapura (SGD) berasaskan *blockchain* digital yang akan memenuhi tiga tujuan.

Yang pertama ialah ia akan mewujudkan jenis pembayaran atau "faktor bentuk" yang sama yang boleh digunakan merentasi dompet, kod QR dan kad, justeru memudahkan perjalanan pengguna.

Tujuan kedua adalah untuk mempertahankan diri daripada membiarkan aliran modal keluar ke *stablecoins* Amerika Syarikat sedang dinamik mata wang dunia berubah.

Yang ketiga adalah untuk mengukuhkan lagi reputasi Singapura sebagai pusat kewangan sejagat terkemuka di barisan hadapan teknologi masa hadapan.

"Jika terdapat mana-mana negara yang boleh membuka jalan untuk masa depan sedemikian, ia adalah Singapura.

"Dengan pengawal selia yang berpandangan ke hadapan, asas teknologi yang mendalam, perkongsian awam-swasta yang erat, dan semangat inovasi dan perusahaan yang kuat, Singapura berada pada kedudukan baik untuk mereka bentuk susunan kewangan baru," kata Encik Gupta.